

04 APR 1998

Asem-Pelajar

BRITAIN BERSEDIA BANTU PELAJAR MALAYSIA

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 4 April (Bernama) -- Kerajaan Britain bersedia membantu pelajar Malaysia yang menghadapi masalah kewangan di sini berikutan kejatuhan nilai ringgit.

Tawaran itu dibuat oleh Perdana Menteri Britain Tony Blair kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa perbincangan dua hala mereka Jumaat.

Tawaran yang sama disampaikan oleh Setiausaha Luar Robin Cook kepada rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa mereka bertemu bagi satu mesyuarat dua hala.

Dr Mahathir dan Abdullah berada di sini untuk menghadiri mesyuarat kedua Asia-Eropah (ASEM).

Tawaran ini merupakan yang pertama yang dibuat oleh kerajaan negara itu dalam usaha membantu pelajar Malaysia semasa krisis kewangan sekarang.

Sebelum ini beberapa universiti Britain yang mempunyai ramai pelajar Malaysia telah melahirkan kesediaan untuk memotong yuran bagi pelajar yang menghadapi masalah kewangan.

"Blair dan Cook berkata mereka menghargai langkah Malaysia menghantar pelajarinya ke Britain kerana ini dapat membantu mengeratkan lagi hubungan di antara kedua-dua negara selain memberi manfaat bersama," kata Abdullah pada persidangan berita di sini.

Abdullah berkata beliau dan Cook turut membincangkan keadaan di Bosnia-Herzegovina di mana Cook telah melahirkan hasratnya untuk menyertai Persidangan Pengurusan Kaum di Kuala Lumpur Ogos ini.

Dalam satu lagi mesyuarat dua hala, Menteri Luar Jerman Dr Klaus Kinkel memberitahu Abdullah bahawa negaranya berminat untuk menambahkan pelaburan terus asing ke Malaysia.

Abdullah berkata, Dr Kinkel melahirkan keyakinan bahawa Malaysia mampu menangani kemelut kewangan dan ekonomi yang dihadapi sekarang kerana asas ekonomi negara ini yang kukuh. -- BERNAMA

WAH AKD